

# Terus bekerja dari rumah perlu kajian terperinci

## Pengalaman ketika PKP tunjuk impak minimum

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedang menimbang secara mendalam untuk meneruskan kaedah bekerja dari rumah bagi sektor perkhidmatan awam.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, berkata pengalaman ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menunjukkan perkhidmatan awam boleh berfungsi secara berkesan walaupun bekerja dengan kaedah berkenaan termasuk secara fleksibel.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu masih memerlukan kajian lebih terperinci bagi memastikan ia menepati hasrat pelaksanaannya.

Mengulas pelaksanaan kaedah berkenaan ketika PKP, beliau menjelaskan, impak terhadap produktiviti penjawat awam adalah minimum dan perkhidmatan awam terus dapat menyokong pembukaan sektor ekonomi dan perniagaan.

"Bermula dengan pelaksanaan kaedah bekerja dari rumah secara arahan ke atas semua penjawat awam, ia kemudian berubah kepada pelaksanaan beriansarkan kes-kes tertentu.

"Dalam tempoh itu, sektor ekonomi dan perniagaan dapat beroperasi hampir 100 peratus un-

tuk memastikan ekonomi negara dapat dilonjakkan.

"Ini dicapai apabila penjawat awam dapat terus melaksanakan tanggungjawab mereka melalui kedua-dua mod berkenaan," katanya kepada *BH*.

Pada 17 Mac lalu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, memaklumkan semua pegawai awam diarah bekerja dari rumah berikut pelaksanaan PKP yang berkuat kuasa 18 hingga 31 Mac bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Menerusi surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), beliau menjelaskan, ketua jabatan boleh menentukan perkhidmatan penting di kementerian atau jabatan masing-masing dan mengarahkan pegawai terbabit hadir bertugas di pejabat.

Bagi pegawai diarah bekerja dari rumah, mereka perlu mematuhi arahan termasuk sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu pejabat atau bekerja yang ditetapkan kerajaan, bersedia jika diarah ketua jabatan hadir ke pejabat atau tempat lain serta memastikan sentiasa boleh dihubungi ketika bekerja.

Pada 3 Mei pula, Mohd Khairul Adib memaklumkan ketua jabatan boleh mempertimbang dan memberi kelonggaran kepada sebahagian pegawai awam untuk menggunakan waktu kerja fleksi, manakala sebahagian lagi bekerja dari rumah ketika tempoh PKP Bersyarat (PKPB).

Menerusi surat edaran JPA bertarikh 2 Mei mengenai operasi pejabat ketika PKPB, beliau menjelaskan, kelonggaran itu bo-

leh dibuat sama ada secara penggiliran atau sepenuh masa agar penggunaan sumber manusia dapat dioptimumkan.

Arahan itu pada keseluruhanya dipanjangkan kepada semua perkhidmatan awam negeri, pihak berkuasa berkanun dan tempatan, tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

Mengenai kajian yang masih diperlukan untuk meneruskan mod bekerja dari rumah, Mohd Zuki menjelaskan, terdapat dua objektif utama dikenal pasti.

Ia, katanya, adalah mitigasi risiko seperti pencemaran dan penularan penyakit dan untuk menguruskan prestasi pegawai dengan mengimbangi keperluan kerja dan keluarga serta meningkatkan kepuasan kerja dan produktiviti.

"Antara aspek yang perlu diperjeksi melalui kajian lanjut adalah keperluan sokongan teknologi digital, keselamatan maklumat, kesesuaian pelaksanaan kepada skim perkhidmatan tertentu serta implikasi perundangan yang terbabit," katanya.

Selari dengan inisiatif kerajaan untuk mempertimbangkan pelaksanaan mod bekerja dari rumah sebagai amalan normal baharu perkhidmatan awam, beliau berkata, penilaian juga akan dilaksanakan ke atas beberapa kemudahan swam lain yang berkaitan, terutama kemudahan cuti dan lepasan.

Katanya, semua inisiatif itu adalah usaha berterusan bagi memastikan penjawat awam dapat terus meningkatkan produktiviti mereka dalam konteks perubahan faktor luaran yang terkini.